

DBKL salur RM1 juta kepada KL City

PETALING JAYA: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyalurkan RM1 juta kepada Kuala Lumpur (KL) City bagi membantu meringankan beban pemain yang tidak menerima gaji sejak awal musim ini.

Perkara tersebut dikongsi oleh Pengarah Kuala Lumpur United, Syed Yazid Syed Omar berkata jumlah bantuan itu akan dapat menyelesaikan sekurangnya tunggakan gaji selama dua bulan dihadapi barisan pemain KL City.

Menurut Naib Presiden Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA) itu, dana itu berjaya diperolehi hasil pertemuan dengan DBKL dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan dijangka pembayaran itu akan mula dikreditkan ke akaun pemain dalam masa terdekat.

“Insyallah dalam masa terdekat akan selesai sekurangnya tunggakan dua bulan. Tunggakan pemain tak sama, ada yang tertunggak tujuh bulan dan ada juga lima bulan, empat bulan atau tiga bulan.

“Terima kasih kepada Datuk Bandar DBKL dan Menteri yang sama-sama membantu meringankan masalah pemain ini.

“Kita harap dengan pembayaran tunggakan ini dapat menaikkan semangat pemain untuk terus berikan aksi terbaik dalam saingan liga nanti,”



PEMAIN- Pemain KL City boleh menarik nafas lega buat seketika.

katanya.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan KL City culas dalam pembayaran gaji pemain selepas pemain naturalisasi negara, Paulo Josue mendedahkan bahawa dia tidak menerima gaji selama tujuh bulan.

Difahamkan, pemberian wang RM1 juta itu adalah sebahagian daripada geran bantuan sebanyak RM5 juta yang ditandatangani antara DBKL dan KL City sebelum ini.

LIGA SUPER



JADUAL

HARI INI

Sri Pahang lwn N. Sembilan
(Stadium Darul Makmur, 5.30 petang)

Perak FC lwn Penang FC
(Stadium Perak, 9 malam)

Sabah FC lwn JDT
(Stadium Likas, 8.15 malam)

ESOK

KL City lwn Selangor FC
(Stadium Bolasepak Cheras, 8.15 malam)